



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

ESTETIKA PAGAR MUSANG TRADISIONAL PANTAI TIMUR ERA KONTEMPORARI

MOHD FAUZI B MD REJAB



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA SASTERA (PENGAJIAN SENI HALUS)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI SENI, KOMPUTERAN DAN INDUSTRI KREATIF
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2018



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Kajian empirikal ini bertujuan untuk mengkaji nilai estetika yang terdapat pada Pagar Musang gaya pantai timur bentuk tradisional dan kontemporari berdasarkan aspek reka bentuk, ragam hias serta fungsinya. Kajian ini dibuat dengan bersandarkan kepada teori budaya David Kaplan dan prinsip estetika Zakaria Ali. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan menggunakan kaedah reka bentuk kajian kes. Data dikumpul melalui cara temu bual, pemerhatian, rakaman visual, analisa produk, kajian dokumen dan kepustakaan. Kajian ini dilakukan di daerah Besut Terengganu, Kota Bharu Kelantan dan Temerloh Pahang. Dapatan dari kajian menunjukkan faktor penggunaan teknologi moden, penggunaan bahan yang bukan berasaskan kayu serta pemakaian motif yang lebih moden dan kontemporari telah memberi wajah yang baru pada Pagar Musang pantai timur dalam era kontemporari. Berdasarkan pada enam prinsip estetika Zakaria Ali dan tiga subsistem dari teori budaya David Kaplan menunjukkan nilai estetika Melayu tradisional masih lagi terdapat pada Pagar Musang pantai timur era kontemporari iaitu dari aspek reka bentuk, ragam hias serta fungsinya. Kesimpulannya proses kemodenan tidak banyak menjejaskan identiti nilai estetika tradisional Melayu yang terdapat pada Pagar Musang pantai timur era kontemporari. Diharapkan keindahan nilai estetika tradisional Melayu ini akan dipertahankan sebagai salah satu warisan kesenian masyarakat Melayu yang berharga untuk generasi akan datang.





AESTHETIC VALUES OF THE CONTEMPORARY EAST COAST WINDOW RAILING STYLES

ABSTRACT

This empirical research aims at examining the aesthetic values of the traditional and contemporary style of the East Coast Window Railing in terms of its designs, decorative varieties and functions. The research conducted based on David Kaplan's theory of culture as well as the aesthetic principles by Zakaria Ali. This qualitative research utilizes the methods of the case study research design. The data was collected through the methods of interviews, observation, visual recordings, product analysis as well as documents and library research. The study was conducted in the district of Besut Terengganu, Kota Bharu Kelantan and Temerloh Pahang. The research found that factors such as the use of modern technology, non-wooden materials and more contemporary motives has given the Window Railing its new look. Based on the six aesthetic principles by Zakaria Ali and the three subsystems in David Kaplan's theory of culture, it is found that the traditional Malay aesthetic values are still evident in the contemporary East Coast Window Railing in terms of its designs, decorative varieties and functions. In conclusion, the modernization process does not eliminate the traditional identities of the contemporary East Coast Window Railing. It is hoped that the beauty of the traditional Malay aesthetic values can be preserved as a valuable Malay art heritage for the future generation.



KANDUNGAN

Muka Surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	iii
PENGHARGAAN	iv
ABSTRAK	v
ABSTRACT	vi

SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xiv
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xix
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	3
1.3 Pernyataan Masalah	8



1.4	Objektif Kajian	10
1.5	Persoalan Kajian	10
1.6	Kerangka Teoritikal	11
1.6.1	Pendahuluan	11
1.6.2	Kerangka Teori David Kaplan	12
1.6.3	Prinsip Estetika Zakaria Ali	14
1.7	Kerangka Konseptual	19
1.8	Kepentingan Kajian	21
1.9	Batasan Kajian	22
1.10	Definisi Operasional	26
1.10.1	Estetika	26
1.10.2	Pagar Musang	28
1.10.3	Daerah Pantai Timur	29
1.10.4	Kontemporari	30

BAB 2 KAJIAN LITERATUR ESTETIKA PAGAR MUSANG TRADISIONAL PANTAI TIMUR

2.1	Pendahuluan	31
2.2	Tipologi Pagar Musang	32





2.3	Pagar Musang Gaya Pantai Timur	34
2.4	Estetika Seni Ukiran Kayu Melayu	37
2.5	Sejarah Perkembangan Seni Ukiran Melayu	39
2.5.1	Zaman Pra Sejarah	39
2.5.2	Zaman Hindu-Buddha	40
2.5.3	Zaman Islam	41
2.5.4	Zaman Kesultanan Melaka 1400-1511	43
2.5.5	Zaman Kesultanan Melayu	46
2.5.6	Zaman Kontemporari	47
2.6	Falsafah Ukiran Kayu	48
2.7	Jenis-Jenis Ukiran Kayu	54
2.8	Unsur-Unsur Motif dalam Seni Ukiran Melayu Tradisional	55
2.9	Tataletak Ukiran Melayu	60
2.10	Pola-pola pada Ukiran Melayu	62
2.11	Etika Seni Ukir Melayu	66
2.12	Rumusan	67



**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	68
3.2	Pendekatan Kajian	69
3.3	Reka Bentuk Kajian	70
3.4	Instrumen Pengumpulan Data	72
3.4.1	Kaedah Temu Bual	73
3.4.2	Kaedah Pemerhatian	73
3.4.3	Kaedah Dokumentasi dan Kajian Pustaka	74
3.4.4	Kaedah Rakaman Visual	74
3.4.5	Kaedah Analisa Produk	75
3.5	Analisis Data	76
3.6	Kesahan dan Kebolehpercayaan.	78

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pendahuluan	80
4.2	Asal-usul Nama Pagar Musang	81
4.3	Reka Bentuk Pagar Musang	82
4.4	Ragam Hias Pagar Musang	83





4.5	Teknik Pemasangan Pagar Musang Pantai Timur	87
4.5.1	Teknik Parit dan Disusun Berjarak.	88
4.5.2	Teknik Puting di Bahagian Tepi Disusun Rapat-rapat serta Dipasang Parit.	89
4.5.3	Teknik Pemasangan Rapat-rapat dan Jarang-jarang dan Dipasang Berjarak dari Lantai.	90
4.6	Fungsi Pagar Musang Pantai Timur	90
4.6.1	Pengaliran Udara	91
4.6.2	Peneduhan	91
4.6.3	Keselamatan	92
4.6.4	Estetika	92
4.6.4.1	Prinsip Estetika Halus	93
4.6.4.2	Prinsip Estetika Bermakna	94
4.6.4.3	Prinsip Estetika Berlambang	95
4.6.4.4	Prinsip Estetika Berlawan	96
4.6.4.5	Prinsip Estetika Bersatu	97
4.7	Pagar Musang Era Kontemporari	98
4.7.1	Motif Pagar Musang Kontemporari	99
4.7.2	Bahan Asas Pembuatan Pagar Musang Kontemporari	105





4.7.3	Penggunaan Teknologi Moden Kontemporari	108
-------	---	-----

4.8	Rumusan	110
-----	---------	-----

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	111
-----	------------	-----

5.2	Perbincangan Terhadap Estetika Pagar Musang Tradisional	112
-----	---	-----

5.3	Perbincangan Terhadap Estetika Pagar Musang Kontemporari	114
-----	--	-----

5.4	Implikasi Kajian Kepada Bidang Pendidikan	116
-----	---	-----

5.5	Kesimpulan	118
-----	------------	-----

5.6	Cadangan	119
-----	----------	-----



RUJUKAN

122





SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
1.1	Elemen Estetik Dalam Seni Bina Tradisional Melayu	4
1.2	Perbandingan Tumpuan Tempat Ukiran di dalam Bangunan Tradisional Melayu	6
3.1	Matriks Pengumpulan Data	75



SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1. Kerangka Konseptual Kajian. Dimodifikasi daripada PriyantoSunarto (2005) dalam Buku Metodologi Penelitian (Tjetjep, 2011)	19
2.1. Pagar Musang Jenis Larik dan Jenis Papan Ukir (Sumber: SabrizaaAbd Rasyid &SufianChe Amat 2008)	33
2.2. Contoh Pagar Musang Buatan Abd Latif Long (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	33
2.3. Contoh-contoh Pagar Musang (Sumber: Katalog Syarikat Tunjang Bakawali Sdn. Bhd. Besut Terangganu)	34
2.4. Pembahagian Negeri Mengikut Zon (Sumber: Zulkifli Hanafi, 2013)	36
2.5. Motif Itik Pulang Petang (Sumber: Ukiran Melayu Tradisi)	56
2.6. Motif Matahari (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	57
2.7. Motif Geometri (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	57
2.8. Motif Tulisan Kaligrafi (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	58
2.9. Motif Bunga Asam Paya (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	59
2.10. Motif Bunga Matahari (Sumber: Ukiran Melayu Tradisi)	63
2.11. Motif Ayam Berlaga (Sumber: Ukiran Melayu Tradisi.)	64

2.12.	Motif Bunga Peria (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	65
3.1.	Analisis Data Model Interaktif Sumber: Miles and Huberman (1994)	77
3.2.	Analisis Triangulasi Data (Sumber: MohdSabrizza bin Abd Rashid 2007)	79
4.1.	Jenis-jenis Reka Bentuk Pagar Musang (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	83
4.2.	Jenis-jenis Motif (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	87
4.3.	Teknik Parit dan Disusun Berjarak. (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	88
4.4.	Teknik Puting di Bahagian Tepi Disusun Rapat-rapat serta Dipasang Parit. (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	89
4.5.	Teknik Pemasangan Rapat-rapat dan Jarang-jarang dan Dipasang Berjarak Dari Lantai. (Sumber: Koleksi peribadi penulis)	90
4.6.	Pagar Musang pada Istana Jahar, Kota Baharu Kelantan	93
4.7.	Pagar Musang pada Istana Jahar, Kota Baharu Kelantan	94
4.8.	Pagar Musang pada Istana Balai Besar Kota Baharu Kelantan	95
4.9.	Pagar Musang pada Muzium Negeri Kelantan.	96
4.10.	Pagar Musang pada Kompleks Kraf Kuala Lumpur Jalan Conlay.	97



4.11.	Pagar Musang Bermotif Geometri Kontemporari	100
4.12.	Pagar Musang Kontemporari Bermotifkan Tumbuh-tumbuhan	102
4.13.	Pagar Musang Kontemporari Bermotifkan Daun	104
4.14.	Pagar Musang Kontemporari Menggunakan Bahan Asas dari Simen.	106
4.15.	Pagar Musang pada Hotel Royal Chulan Kuala Lumpur Menggunakan Bahan Campuran Simen dan Fiber.	107
4.16.	Jenis-jenis Mesin yang Digunakan di dalam Proses Menghasilkan Ukiran Kayu.	109



**SENARAI SINGKATAN**

ALL	Abdul Latif Long
ARK	Abdul Rahman Kayukraf Kota Bahru
BMT	Barokah Mumtaz Kraf Temerloh Pahang
BTA	Bazar Tengku Anis
ERK	ER Kreatif
GKP	Generasi Kraf Pahang
IBB	Istana Balai Besar
IJ	Istana Jahar
IK	Ina Kraf
IKP	Imey Kraf Pahang
KK BB	Kampung Kraf tangan Kota Bharu
KKL	Kompleks Kraf Kuala Lumpur
MI KB	Muzium Islam Kota Bharu
MKL UMK	Masjid Kampung Laut Universiti Malaysia Kelantan
MNK	Muzium Negeri Kelantan
MWT	Maz Warisan Trading
PJ	Pakatan Juruukir
PM	Pagar Musang
RWMM KB	Rumah Warisan Masjid Muhammadi Kota Baharu
SKW	Senikayu Warisan Pulau Rusa





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

xviii

SSK

Seri Seni Kraf Pahang

TB

Tunjang Bakawali

WSU

Warisan Seni Ukir Kayu Bukit Payung



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



SENARAI LAMPIRAN

- A Latar Belakang Informan
- B Transkrip Temu Bual
- C Borang Pemerhatian
- D Surat Kebenaran Penyelidikan
- E Senarai Koleksi Pagar Musang
- F Contoh Kaedah Penyusunan Data
- G Gambar Proses Mengukir Serta Peralatan
- H Gambar Bersama Responden





BAB 1

PENGENALAN



1.1 Pendahuluan

Ragam hias Pagar Musang yang terdapat pada rumah Tradisional Melayu adalah sebahagian daripada warisan seni bina yang sangat bernilai. Ia direka bentuk begitu unik sehingga menampakkan betapa mahir dan kreatifnya bangsa Melayu dalam bidang ukiran kayu khususnya pada reka bentuk seni bina rumah kediaman. Lumrah bagi manusia yang mempunyai perasaan dan penghayatan estetik yang tinggi amat sukakan pada keindahan dan kecantikan. Jadi tidak menjadi satu kehairanan apabila masyarakat Melayu dahulu mementingkan nilai-nilai tersebut dalam menghias rumah mereka.





Ukiran pada reka bentuk Pagar Musang adalah antara penghasilan karya yang mendominasi seni ukiran Melayu yang mempunyai nilai estetik dan esoterik yang tinggi. Namun demikian ramai yang tidak menyedarinya. Faktanya kita mempunyai begitu banyak variasi ciptaan seni rupa Pagar Musang yang kita warisi sejak turun-temurun dari utara hingga selatan tanah air ini. Bukan sekadar berperanan sebagai penghias bahagian bawah muka tingkap dan anjung rumah sahaja, malahan seni ukiran Pagar Musang ini sudah boleh diangkat menjadi satu objek seni yang boleh diletakkan dalam galeri-galeri pameran untuk dihayati keunikan nilai estetikanya.

Menurut Fauzi Ab. Llah (2011), potensi ukiran kayu mula di pandang serius dan ia telah menjadi trend (gaya) pada masa ini di mana ia mula dapat di lihat pada sebahagian sudut di dalam pembinaan sesebuah rumah yang berkonsepkan moden.

Sehubungan dari itu satu kajian yang lebih mendalam akan dilakukan agar seni ukiran kayu pada Pagar Musang khasnya terpelihara untuk tatapan oleh generasi akan datang. Melihat pada keunikan dan keistimewaan Pagar Musang ini, penulis akan mengkaji serta mengenal pasti unsur-unsur estetika keindahan serta falsafah yang terkandung padanya. Begitu juga kajian berkaitan perubahan yang terjadi pada reka bentuk Pagar Musang terutama dalam arus kontemporari ini akan dilakukan. Hal ini bertujuan agar pengkaji dapat melihat kesan proses perubahan yang berlaku terhadap nilai estetika tradisional yang diwarisi. Kajian ini diharapkan boleh dijadikan sumber rujukan pada generasi mendatang berkaitan nilai kesenian yang kita warisi sejak sekian lama.





1.2 Latar Belakang Kajian

Kajian ini merupakan satu penyelidikan terhadap nilai estetika yang terdapat pada seni ukiran Pagar Musang tradisional dan kontemporari. Penyelidikan ini memfokuskan pada seni kraf Pagar Musang khususnya yang terdapat di kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia. Budaya yang statik akan mati, budaya yang berterusan ialah budaya yang fleksibel yang sentiasa disesuaikan dengan perkembangan arus semasa. Begitu juga halnya dengan seni pembuatan Pagar Musang yang mula dilihat mengalami proses inovasi dan transformasi bukan sahaja melibatkan aspek estetika dan fungsinya malahan merangkumi hampir keseluruhan aspek nilai Pagar Musang itu sendiri. Persoalannya adakah nilai estetika tradisional Melayu pada Pagar Musang pantai timur tradisional yang kita warisi dari sejak zaman berzaman telah terhakis akibat daripada proses inovasi dan transformasi tersebut.



Seni kraf Pagar Musang sebenarnya adalah manifestasi daripada seni kraf ukiran kayu tradisional Melayu itu sendiri. Pagar Musang adalah sebahagian daripada kepelbagaian variasi bentuk ukiran kayu tradisional Melayu yang kita warisi zaman-berzaman. Dengan itu dapatlah difahami bahawa mengkaji seni ukiran pada Pagar Musang adalah sama juga dengan mengkaji seni ukiran kayu tradisional Melayu itu sendiri. Cuma dalam hal ini pengkajian lebih tertumpu pada elemen ukiran Pagar Musang.

Menurut Mohd Sabrizaa & Sufian (2008), terdapat sekurang-kurangnya sembilan belas elemen-elemen estetik yang dikenal pasti dalam seni bina Tradisional Melayu. Semua elemen dibahagikan mengikut aspek pembinaan seperti bumbung, dinding, tingkap dan pintu contohnya seperti jadual berikut:





Jadual 1.1

Elemen Estetik dalam Seni Bina Tradisional Melayu

Elemen Estetik	Penerangan Elemen
BUMBUNG	tunjuk langit, sisik naga, salur bayung, kepala cicak, ande-ande, kayu pemeleh dan tiang gantung.
DINDING	dinding bertindih kasih, dinding janda berhias, dinding kelarai, sesiku keluang dan kekisi
PINTU	pintu gerbang, kepala pintu gerbang, gerbang pintu, kepala pintu.
TINGKAP	kepala tingkap, gerbang tingkap, pagar musang.



Sumber: Sabriza (2007)

Menurut beliau lagi elemen estetika pada hiasan seni bina Melayu tradisional adalah berkait rapat dengan pemikiran dan budaya Melayu itu sendiri. Beberapa motif yang diambil daripada tumbuh-tumbuhan tertentu adalah sangat bermakna kepada masyarakat Melayu. Semua ini telah menyumbang kepada pembentukan estetika Melayu.

Menyentuh pada seni kraf ukiran kayu tradisional Melayu, peranan elemen estetik sebagai hiasan, dianggap sebagai nilai tambah kepada asas seni bina. Selain daripada komponen struktur asas binaan, terdapat pelbagai elemen estetik yang diperkenalkan untuk meningkatkan bentuk asas hiasan. Menurut Zulkifli Hanafi (2007), nilai estetik bukan sahaja bergantung pada bentuk seni bina sahaja tetapi





bergantung juga kepada butiran pembinaannya. Di dalam bangunan tradisional Melayu, hanya tempat-tempat tertentu sahaja menjadi tumpuan utama yang mementingkan hiasan. Tempat-tempat yang dipilih itu pada lazimnya akan mendapat perhatian orang ramai dan mungkin juga ditentukan oleh keperluan fungsi lain.

Nilai estetika ini dinyatakan dengan jelas oleh beberapa tokoh termasuklah Syed Ahmad Jamal dan Nurzihan Adli Muhamad seperti dalam petikan ayat berikut:

Estetika bererti sesuatu yang berkaitan dengan deria pengamatan terhadap sesuatu perkara atau suasana yang menekankan aspek kesenian atau keindahan, bukan menekankan aspek kegunaannya.

Syed Ahmad Jamal (2010:1)



Nilai estetik dalam satu-satu karya ukiran kayu diambil kira pada keindahan ukiran, konsep, komposisi, pemilihan bahan, teknik dan kekemasan. Tukang ukir, alam persekitaran, bahan binaan, dan kepercayaan juga mempengaruhi nilai estetik seni ukiran kayu.

Nurzihan Adli Muhamad (2009:3)

Kerja-kerja pertukangan Pagar Musang ini telah lama diwarisi oleh masyarakat Melayu sedari dahulu lagi dan masih dijalankan sehingga sekarang. Malah seni pertukangan kraf Pagar Musang ini dilihat amat berpotensi untuk dimajukan mengikut arus semasa disebabkan fungsinya yang pelbagai malah semakin meluas diguna pakai dewasa ini.





Jadual 1.2

Perbandingan Tumpuan Tempat Ukiran di dalam Bangunan Tradisional Melayu

Tumpuan	Kelantan	Terengganu	Kedah	P. Pinang	Melaka	Perak
Jerejak	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak
Dinding	Kurang	Banyak	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Papan tumpu Kasau	Tiada	Tiada	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak
Papan Meleh	Banyak	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Kerawang	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak	Kurang	Banyak
Papan Cantik	Tiada	Tiada	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak
Sisik Naga	Kurang	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada
Papan Layang	Tiada	Tiada	Banyak	Banyak	Banyak	Banyak
Kepala Cicak	Kurang	Kurang	Banyak	Banyak	Kurang	Kurang
Motif Ukiran	Tumbuhan	Tumbuhan & Kaligrafi	Tumbuhan & Geometri	Tumbuhan & Geometri	Tumbuhan & Geometri	Tumbuhan & Geometri
Jenis Ukiran	2D,3D	2D,3D	2D	2D	2D	2D

Sumber: Zulkifli Hanafi, (2007:68)

Jika ditinjau pada jadual di atas, jelas dapat diperhatikan bagaimana Jerejak atau Pagar Musang ini begitu banyak diguna pakai pada bangunan tradisional Melayu. Ini memperlihatkan betapa pentingnya peranan kraf Pagar Musang berfungsi dalam binaan bangunan kediaman. Selain menyediakan proses pengaliran udara yang baik di dalam rumah kewujudan Pagar Musang juga bertindak sebagai pengadang bagi tujuan keselamatan selain memperlihatkan nilai kecantikan estetika Melayu pada seni





pembuatannya. Kelihatan negeri Kelantan dan Terengganu telah mendominasi variasi jenis ukiran iaitu dalam bentuk dua dimensi dan tiga dimensi. Ternyata dua negeri ini memiliki kelebihan dalam kemahiran mengukir. Berhubung kait dari fakta di atas maka dirasakan adalah sangat wajarlah penulis melakukan satu penyelidikan yang lebih mendalam berkaitan kraf Pagar Musang berbanding elemen estetik tradisional Melayu yang lain. Manakala daerah pantai timur pula adalah lokasi kajian yang paling sesuai.

Ukiran yang menjadi rujukan adalah dari Pantai Timur dengan tumpuan kepada ukiran Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini adalah kerana artifak ukiran kayu masih lagi disimpan dan dijaga dengan baik serta penghasilan ukiran kayu mengikut reka bentuk tradisi masih diamalkan dan dihasilkan di sana. Ianya adalah suatu hasil kerajinan tangan dan kesenian yang masih bertahan. Barangan kegunaan harian daripada kayu dan seni bina tradisi masih lagi kelihatan, baik yang lama mahupun yang baru.



Sumber internet: <http://www.muzium pahang.com.my>

(Dilayari pada 12.06.2013)

Menurut Fauzi Ab. Llah, (2011), ukiran kayu sememangnya begitu terkenal di Semenanjung Malaysia terutamanya di negeri-negeri sebelah pantai timur seperti Kelantan, Terengganu dan Pahang. Hubungan rapat dengan Patani yang merupakan pusat kegiatan seni ukir terkenal pada masa dahulu sedikit sebanyak telah mempengaruhi seni ukir di negeri-negeri tersebut. Pernyataan ini selari dengan yang dikemukakan oleh Zulkifli Hanafi (2000:2), menyatakan dari sudut sejarah kegiatan seni ukir terkenal di kawasan Pantai Timur Semenanjung Malaysia seperti di negeri Kelantan, Terengganu, Pahang dan Patani di Selatan Thai. Bersandarkan pada pernyataan tersebut dirasakan amat tepat sekali pengkaji memilih kawasan Pantai Timur sebagai lokasi kajian.





1.3 Pernyataan Masalah

Penulis melihat rata-rata masyarakat muda sekarang sudah tidak berapa mengenali lagi elemen ukiran Pagar Musang. Suatu masa dahulu kraf ini adalah penghias istana raja-raja Melayu dan rumah para bangsawan yang tinggi nilai falsafah serta kehalusan nilai estetikanya. Amatlah rugi sekiranya elemen ukiran warisan bangsa yang tidak ternilai ini terus dipinggirkan tanpa sebarang catatan dan rekod yang lengkap supaya suatu ketika nanti dapat dipelajari dan difahami oleh generasi akan datang. Amatlah dikhuatiri seandainya suatu hari nanti ragam hias motif Melayu yang sarat dengan makna dan falsafah sifat asal sesuatu sumber akan dilupakan begitu sahaja. Pagar Musang yang mewakili budaya dan nilai estetika serta kepercayaan masyarakat Melayu Tradisional dahulu akan hilang ditelan zaman.



Permasalahan seterusnya ialah identiti seni pembuatan Pagar Musang semakin terhakis akibat pengaruh dari budaya luar. Begitu banyak limpahan reka bentuk dari luar telah mempengaruhi keaslian Pagar Musang tradisional Melayu. Perubahan modenisasi dan urbanisasi mengikut trend kontemporari telah menghakis nilai estetika dan falsafah seni ukir Pagar Musang tradisional Melayu. Menurut Ab. Aziz Shuaib (2012), budaya global mula menjelma tanpa disedari kerana ianya menular secara halus. Secara tak langsung identiti tempatan mungkin terpupus jika tiada usaha yang padu untuk pengekalan. Masyarakat Melayu kini dilihat lebih senang menggunakan ragam hias dari negara luar tanpa mengetahui latar belakang falsafah dan asal usulnya. Mereka telah lupa bahawa negara kita juga mempunyai warisan ragam hias yang cantik lagi unik yang diwarisi dari nenek moyang terdahulu. Akibatnya nanti kita akan hilang identiti serta jati diri dalam guna pakai seni hiasan rumah tempat kita berteduh dari hujan dan panas.

